

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI**  
**[ CHERAS ]**  
**TARIKH SOALAN : 23 OKTOBER 2019**

**SOALAN NO. 1**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk merancakkan perkembangan ekonomi dan membantu pengusaha perniagaan kecil-kecilan dalam waktu yang mencabar ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) peka dan prihatin terhadap kesejahteraan usahawan mikro dan kecil dalam mengharungi cabaran ekonomi masa kini. Melalui Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030), pelbagai strategi dan inisiatif dasar telah digariskan untuk mempertingkatkan dan memantapkan keupayaan usahawan.
2. Bagi mengatasi cabaran ekonomi masa kini, antara usaha yang telah dilaksanakan di bawah MED serta bantuan khusus kepada golongan usahawan mikro dan kecil adalah seperti berikut :

**(i) Kemudahan akses kepada pembiayaan**

TEKUN Nasional telah menawarkan pelbagai skim pembiayaan mikrokredit kepada usahawan dengan nilai pembiayaan yang bermula RM1,000 hingga RM100,000. Bagi tahun 2019, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM248.6 juta kepada

## NO. SOALAN: 1

18,724 orang usahawan. Melalui Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), sehingga Oktober 2019, sejumlah RM10.81 juta telah disalurkan kepada 568 usahawan India dan disasarkan seramai 1,300 orang akan menerima manfaat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta.

Di samping itu, TEKUN Nasional juga sedang melaksanakan program pembangunan usahawan dalam bidang kemahiran khusus seperti ukiran kayu dengan pembiayaan kepada 9 usahawan sebanyak RM285 ribu dan fertigasi pertanian di bawah projek PRINT di Terengganu dengan pembiayaan kepada 20 orang peserta sebanyak RM400 ribu.

Bank Rakyat juga telah menawarkan kemudahan pembiayaan bagi menyokong pembangunan usahawan mikro. Antara program pembiayaan di bawah Bank Rakyat adalah seperti **Modal Usahawan Kecil (MusK)** dan **Micro Enterprise Fund (MEF)**. Menerusi skim pembiayaan ini, sehingga September 2019, seramai 7,024 orang usahawan telah menerima manfaat dengan pembiayaan berbaki RM84 juta.

Selain itu, SME Bank juga menyediakan Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sebanyak RM500 juta kepada SME yang mempunyai kapasiti untuk mengeksport.

### (ii) Penyediaan latihan secara khusus dan berstruktur

MED melalui SME Corp. Malaysia telah melaksanakan **Program Rangkaian Mikro (Micro Connector)**. Program pembangunan kapasiti ini disediakan kepada usahawan mikro di peringkat permulaan untuk memulakan dan menjalankan perniagaan. Sehingga September 2019, sejumlah 5 syarikat telah dilantik bagi melatih dan menyediakan perkhidmatan kepada B40/usahawan mikro dengan seramai 18 orang peserta B40 telah menerima manfaat.

Selain itu, inisiatif lain adalah di bawah INSKEN melalui program pembangunan kapasiti seperti **kursus latihan keusahawanan jangka pendek (outcome-based)** yang menekankan tentang

## **NO. SOALAN: 1**

teknik pemasaran dengan penggunaan platform sosial media dan **program berbentuk coaching serta mentoring** dalam beberapa bidang.

### **(iii) Penyediaan kepelbagaian akses pasaran**

Pada tahun 2019, MED telah menganjurkan **pelbagai program berbentuk showcase dan pemasaran seperti Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Fiesta MED dan Program Minggu Usahawan Nasional (MUN 2019)**. Program ini telah menyediakan platform promosi dan pemasaran kepada usahawan untuk mengetengahkan dan memperkenalkan produk/perkhidmatan mereka kepada orang awam.

Semasa program ini berlangsung, MED telah **mengaturkan sesi padanan perniagaan antara anchor tempatan terdiri daripada peruncit, pemborong, pasaraya besar dan koperasi dengan para usahawan**. Sesi ini membolehkan produk dan perkhidmatan usahawan dipasarkan melalui kedai-kedai runcit, kedai serbaneka, pasaraya, *hypermarket*, dan koperasi tersebut.

Antara hasil pelaksanaan program adalah seperti berikut :

- a) SDSI Perak telah mencapai potensi jualan sebanyak RM4.4 juta;
- b) SDSI Zon Timur sebanyak RM6.95 juta;
- c) SDSI Zon Selatan bersempena Fiesta MED sebanyak RM9.85 juta; dan
- d) SDSI Nasional bersempena Minggu Usahawan Nasional (MUN) 2019 sebanyak RM28.21 juta; dan
- e) SDSI Sabah sebanyak RM5.4 jua..

Selain itu, terdapat juga kerjasama yang dilaksanakan di antara pelbagai Kementerian dan agensi bagi menyediakan akses pasaran kepada pengusaha perniagaan-perniagaan kecil sebagai contoh penganjuran Karnival Usahawan Desa oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Malaysia Agriculture Horticulture Agrotourism (MAHA) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya.